

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 12 May, 2020 1:06 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: Hand Sanitizer Bukti UUM Mampu Ketengahkan Elemen Sains Dalam Bidang Pengurusan

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 22 April 2020 17:06

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: Hand Sanitizer Bukti UUM Mampu Ketengahkan Elemen Sains Dalam Bidang Pengurusan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 APRIL 2020 / 28 SYAABAN 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Shafiqah Rozizan (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

HAND SANITIZER BUKTI UUM MAMPU KETENGAHKAN ELEMEN SAINS DALAM BIDANG PENGURUSAN



UUM ONLINE: “Walaupun UUM merupakan universiti pengurusan tetapi kita tidak ketinggalan untuk mengadaptasi elemen sains dalam bidang pengurusan.

“Ini merupakan satu bukti bahawa universiti pengurusan juga berjaya menghasilkan inovasi yang sangat relevan dengan masyarakat iaitu pembuatan hand sanitizer dan juga pakaian pelindungan diri (PPE),” kata Naib Canselor, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani ketika melawat proses penghasilan PPE dan cecair basmi kuman (*hand sanitizer*), semalam.

Beliau berkata, UUM menerusi Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) mengambil inisiatif menghasilkan PPE dan *hand sanitizer* untuk disumbangkan kepada petugas barisan hadapan yang berkhidmat ketika penularan Covid-19.

Menurutnya, penghasilan PPE dan cecair basmi kuman itu adalah salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) universiti kepada komuniti luar yang mana mereka telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk memastikan keselamatan orang ramai terjamin.

“Saya bangga dengan usaha penyelidik yang diketuai oleh Pengarah Food Security, Innovation and Development Research (FINDER) UUM, Dr. Risyawati Mohamed Ismail kerana berjaya menghasilkan *hand sanitizer* di bawah projek *Function of Science* yang berkualiti dan bermutu tinggi.

“Cecair basmi kuman yang dianggarkan mampu dihasilkan sebanyak 2,000 botol ini bukan sahaja akan dibekalkan kepada *frontliners*, malah golongan B40 yang tinggal berhampiran kampus UUM secara percuma,” katanya.

Selain itu, tambah beliau, pembuatan PPE oleh sukarelawan UUM dengan kerjasama SCIMPA dan Pusat Ko-Kurikulum untuk kegunaan petugas kesihatan di Hospital Sultanah Bahiyah juga dipuji kerana dijahit dengan berkualiti serta memenuhi standard ditetapkan.

Katanya, melihat kepada perkembangan hasil inovasi yang dijalankan pensyarah universiti ini, pengurusan UUM bercadang untuk mengkormeskan *hand sanitizer* tersebut di pasaran luar selaras dengan hasrat kerajaan yang menyarankan agar universiti menjana pendapatan sendiri.

“Saya percaya bahawa UUM mempunyai pakar-pakar hebat yang berinovatif tinggi dan berkelayakan dalam menghasilkan produk sebegini untuk dikomersilkan kelak.

“Dalam kita menjana pendapatan, tidak dilupakan juga tanggungjawab UUM kepada masyarakat dengan menjalankan penyelidikan berimpak tinggi yang memanfaatkan komuniti,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.